

Media Title : Berita Harian
Headline : Sedia pembiayaan hartaanah babit projek hijau mampan
Date : 17 August 2022
Section : Bisnes
Page : 26



Sedia pembiayaan hartaanah babit projek hijau, mampan

Public Bank,
Gamuda Land
jalin kerjasama

Oleh Mohd Zaky Zainuddin
zaky@bh.com.my

Public Bank dan Gamuda Land memeterai Memorandum Persefahaman (MoU) bagi menjalinkan kerjasama menawarkan pembiayaan hartaanah yang membabitkan projek pembangunan hijau dan mampan.

Menerusi MoU itu, Public Bank mewujudkan Pakej Pembiayaan Mampan Istimewa untuk pembiayaan akhir bagi projek pembangunan hijau dan mampan oleh Gamuda Land, meliputi rumah kediaman dan komersial yang sudah menerima atau yang mahu mendapatkan pengiktiran untuk kemampunan daripada Indeks Bangunan Hijau (GBI), GreenRE dan badan pentauliahan lain.



Ah Lek (kiri) dan Chee Meng bertukar dokumen perjanjian.

(Foto ihsan Public Bank)

Pengarah Urusan dan Ketua Pegawai Eksekutif Public Bank, Tan Sri Dr Tay Ah Lek, berkata MoU menandakan peningkatan penyertaan institusi perbankan itu dalam perjalanan pertumbuhan hijau.

"Kumpulan Public Bank komited untuk mencapai neutraliti karbon menjelang 2030 dan pelepasan karbon sifar bersih menjelang 2050.

"Kumpulan juga komited untuk memperuntukkan sebanyak RM40 bilion pembiayaan mesra alam sekitar, sosial dan tadbir urus (ESG) menjelang 2025, termasuk pembiayaan untuk bangunan yang diperakui mesra alam," katanya dalam satu kenyataan.

Pada majlis pemeteraian MoU itu, Public Bank diwakili Ah Lek,

manakala Gamuda land diwakili Ketua Pegawai Eksekutifnya, Ngan Chee Meng.

Majukan agenda hijau

Ah Lek berkata, Pakej Pembiayaan Mampan Istimewa Public Bank yang ditawarkan kepada projek pembiayaan akhir Gamuda Land itu, termasuk faedah yang berseuaian, kelulusan cepat dan pilihan pembiayaan untuk pelanggan membeli peralatan mesra alam dan jimat tenaga selain kelengkapan untuk meningkatkan lagi kemampuan hartaanah hijau.

Sementara itu, Chee Meng berkata, Pelan Hijau Gamuda (GGP) adalah rangka kerja komprehensif yang merumus sasaran ketara yang dipacu pada dimensi ESG untuk lima tahun yang akan datang dan seterusnya.

Katanya, pelan itu memastikan kumpulan melaksanakan langkah khusus untuk mengurangkan intensiti pelepasan gas rumah hijau secara langsung dan tidak langsung sebanyak 30 peratus pada 2025 dan 45 peratus menjelang 2030.